



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**  
**BIL. 33 / 2024**

**PELAKSANAAN URUSAN SEMAKAN**  
**DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN JULAI**  
**TAHUN 2024 (DPT BLN7/2024)**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa **Daftar Pemilih Tambahan Bulan Julai Tahun 2024 (DPT BLN7/2024)** telah diperaku dan diwartakan pada **21 Ogos 2024**. DPT BLN7/2024 ini dibuka untuk semakan **selama 30 hari** mulai **21 Ogos 2024** hingga **19 September 2024**.
2. DPT BLN7/2024 ini mengandungi **38,952** nama warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Julai 2024** hingga **31 Julai 2024** yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu, **8,165** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan **3,730** orang pemilih bertukar status/kategori pengundi.
3. SPR menyediakan lima (5) kaedah semakan bagi DPT BLN7/2024 iaitu seperti berikut:
  - (a) Portal SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau **<https://mysprsemak.spr.gov.my>**;
  - (b) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan **<http://ppn.spr.gov.my>**;
  - (c) Aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>**;
  - (d) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**; atau
  - (e) Hotline Semakan Pendaftaran Pemilih di talian **03-8892 7218**.

4. SPR menyeru kepada warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Julai 2024 hingga 31 Julai 2024** dan mana-mana pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran status untuk menyemak nama mereka dalam DPT BLN7/2024. Sekiranya mereka mendapati namanya tidak disenaraikan dalam DPT BLN7/2024, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C** melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
5. Di samping itu, mana-mana pemilih berdaftar di sesuatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya dengan mengisi **Borang D** melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
6. Borang C dan Borang D juga boleh **dimuat turun dari portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri berkenaan untuk membuat serahan dan membayar fi bantahan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja sepanjang tempoh semakan DPT BLN7/2024.**
7. Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan DPT BLN7/2024 ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan <https://www.spr.gov.my> atau hubungi SPR di talian **03-8892 7218** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

21 Ogos 2024 / 16 Safar 1446H